

# Lelaki halang tugas polis didenda RM4,000

**MIRI:** Seorang lelaki didenda RM4,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah mengaku bersalah menghalang seorang anggota polis daripada melaksanakan tugasnya.

Benedick Michael, 31, dari Bandar Baru Permyjaya di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan yang memperun-

tukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda hingga RM10,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan sengaja telah menghalang seorang penjawat awam iaitu Koperal Muhammad Hafidzzul Jimat daripada melaksanakan tugasnya sebagai seorang anggota

polis.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 3 pagi, 28 Julai lalu di sebuah pusat hiburan di Blok 9 Waterfront Commercial Centre di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Randu Rangen, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.